

07 JAN 1999

Abdul Rahim-Profil

ABDUL RAHIM LETAK JAWATAN EKORAN INSIDEN MATA LEBAM

KUALA LUMPUR, 7 Jan (Bernama) -- Siasatan mengenai kecederaan yang dialami oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim semasa dalam tahanan polis menimbulkan kejutan mendadak apabila Ketua Polis Negara Tan Sri Abdul Rahim Noor meletakkan jawatan berkuatkuasa esok.

Perletakan jawatan Abdul Rahim ialah ekoran kenyataan Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah dua hari lalu bahawa polis bertanggungjawab sepenuhnya ke atas kecederaan yang dialami Anwar.

Perkembangan ini merupakan episod yang menyedihkan bagi karier Abdul Rahim yang mengambil alih jawatan tertinggi dalam pasukan polis itu pada 16 Jan 1994.

Abdul Rahim sepatutnya bersara pada Jun tahun lalu tetapi kerajaan membuat keputusan melanjutkan perkhidmatannya selama dua tahun.

Keseluruhan episod ini bermula apabila bekas Timbalan Perdana Menteri itu muncul di mahkamah pada 29 Sept dengan matanya lebam yang menimbulkan bantahan di dalam dan di luar negara.

Gambar Anwar dengan matanya lebam kemudian terpampang di muka depan majalah-majalah berita antarabangsa.

Menurut kenyataan Mohtar, Abdul Rahim, 56, ialah seorang daripada sembilan pegawai polis tertinggi yang kenyataannya belum diambil oleh pasukan penyiasat khas yang ditubuhkan untuk menyiasat insiden berkenaan.

Anwar mendakwa semasa muncul di mahkamah buat pertama kali bahawa beliau telah dikasari oleh polis sehingga tidak sedarkan diri selepas ditangkap pada 21 Sept di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri dan tidak diberikan rawatan selama lima hari.

Abdul Rahim berkata dalam kenyataannya hari ini bahawa beliau mengambil tanggungjawab sepenuhnya terhadap kecederaan yang dialami oleh Anwar semasa dalam tahanan polis.

Mohtar berkata bahawa pasukan penyiasat yang diketuai oleh (Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Melaka ketika itu) SAC II Mat Zain Ibrahim yang sekarang Ketua Siasatan Jenayah Kuala Lumpur, belum mengenal pasti individu atau mereka yang bertanggungjawab bagi kecederaan ke atas Anwar.

Abdul Rahim, yang dilahirkan di Melaka menyertai pasukan polis pada 1969 sebagai Penolong Penguasa Kadet selepas memperolehi ijazah dari Universiti Malaya.

Abdul Rahim telah berkhidmat sebagai Ketua Daerah Polis Melaka Tengah, Komandan Maktab Polis Kuala Kubu Baharu, Ketua Pegawai Polis Selangor, Pesuruhjaya Polis Sabah dan pengarah Cawangan Khas sebelum mengambil alih jawatan timbalan Ketua Polis Negara.

Polis juga dituduh oleh para penyokong Anwar memainkan peranan dalam "konspirasi" untuk menjatuhkan bekas timbalan perdana menteri itu.

Ekoran kecederaan yang dialami Anwar, pelbagai pihak melahirkan kebimbangan dan perhatian berat bahawa apa yang berlaku ke atas Anwar boleh juga berlaku ke atas mana-mana rakyat Malaysia.

Tetapi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah memberi jaminan bahawa polis akan menyiasat insiden "mata lebam" itu dan Bukit Aman telah mengeluarkan kenyataan untuk memberi jaminan kepada masyarakat bahawa siasatan akan dijalankan secara adil.

Bagaimanapun, pelbagai kumpulan melahirkan rasa kecewa terhadap cara siasatan dijalankan dan menggesa penubuhan sebuah pasukan bebas untuk menyiasat kecederaan yang dialami Anwar sementara pihak lain pula mendesak Peguam Negara dan Abdul Rahim meletakkan jawatan.

Dr Mahathir semalam berkata kerajaan akan menimbang menubuhkan sebuah suruhanjaya bebas untuk menyiasat tuduhan bahawa para pegawai polis menyebabkan kecederaan ke atas Anwar semasa dalam tahanan polis.

Tindakan polis juga menimbulkan kemarahan umum terutama para penyokong Anwar kerana menghalang percubaan mereka untuk mengadakan perhimpunan haram di ibu negara berikutan pemecatan Anwar daripada Kabinet pada September tahun lalu.

Abdul Rahim juga memainkan utama menamatkan ancaman Komunis di negara ini pada 1989.

-- BERNAMA

TM FAZ